



## SOALAN LAZIM (FAQ) PAS PERJALANAN BULANAN TANPA HAD MYRAIL5

Nama Produk : MyRail5  
Keterangan Produk : Pas perjalanan bulanan tanpa had selama 30 hari  
Tarikh Mula : 1 Januari 2021

1. Apakah pas MyRail5 dan faedahnya?

Pas perjalanan bulanan tanpa had selama 30 hari dengan harga RM5 kepada pelajar sekolah tahun 1 hingga tingkatan 6 serta golongan Orang Kurang Upaya (OKU) bagi perkhidmatan KTM Komuter sektor Lembah Klang, KTM Komuter sektor Utara dan Shuttle Timuran (Kuala Lipis – Tumpat)

Pas MyRail5 diperkenalkan untuk meringankan beban kos pengangkutan pelajar sekolah dan golongan OKU yang menggunakan perkhidmatan KTM Komuter dan Shuttle Timuran selain mengalakkan pelajar sekolah dan golongan OKU menggunakan pengangkutan awam.

2. Berapa lamakah pas MyRail5 akan berada di pasaran?

**1 Januari hingga 31 Disember 2021**

3. Apakah syarat kelayakan untuk melanggan pas MyRail5?

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Pelajar sekolah tahun 1 hingga tingkatan 6; dan
- iii. Golongan OKU

4. Dimanakah saya boleh mendapatkan dan memperbaharui pas MyRail5 bagi pengguna baharu dan pengguna sedia ada?

### **4.1 Pengguna KTM Komuter sektor Lembah Klang**

- i. Mendaftar di mana-mana 13 kaunter tiket stesen KTM Komuter terpilih (fasa permulaan) seperti berikut:

**Sentul, Batu Caves, Subang Jaya, Shah Alam, Klang, Bandar Tasek Selatan, Kajang, Seremban, KL Sentral, Kepong, Sungai Buloh, Rawang dan Tanjung Malim**

*\* Pendaftaran di lain-lain stesen akan dimaklumkan dari masa ke semasa melalui saluran rasmi KTMB*

#### **4.2 Pengguna KTM Komuter sektor Utara & Shuttle Timuran**

**Bagi pengguna baharu:**

- i. Mendaftar di mana-mana kaunter tiket KTM Komuter / Shuttle Timuran**
- ii. Secara dalam talian.**

**Bagi pengguna sedia ada:**

- i. Mendaftar MyRail5 mengikut saluran permohonan awal konsesi (KITS) mereka sama ada di kaunter atau secara dalam talian.**

5. Apakah dokumen yang perlu dibawa untuk mendapatkan pas MyRail5 bagi pengguna baharu dan pengguna sedia ada?

#### **5.1 Pengguna Baharu**

**(KTM Komuter sektor Lembah Klang / Utara dan Shuttle Timuran)**

- i. Kad pengenalan; dan**
- ii. Dokumen pengesahan daripada pihak sekolah (bagi pelajar sekolah tahun 1 hingga tingkatan 6) atau;**
- iii. Kad daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (bagi OKU)**

#### **5.2 Pengguna Sedia Ada**

**(KTM Komuter sektor Lembah Klang)**

- i. Kad Pengenalan; dan**
- ii. Kad Konsesi Komuter Link sedia ada**

#### **5.3 Pengguna Sedia Ada**

**(KTM Komuter Utara dan Shuttle Timuran)**

- i. No.PNR (KITS)**
- ii. Kad Pengenalan**
- iii. Kad daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (bagi OKU)**

6. Apakah dokumen yang perlu dibawa semasa memperbaharui pas MyRail5?

#### **6.1 Pengguna KTM Komuter sektor Lembah Klang**

- i. Kad pengenalan**
- ii. Kad Konsesi Komuter Link sedia ada (bagi perkhidmatan KTM Komuter sektor Lembah Klang sahaja)**

#### **6.2 Pengguna KTM Komuter sektor Utara dan Shuttle Timuran**

- i. No.PNR (KITS)**
- ii. Kad pengenalan**
- iii. Kad OKU**

7. Adakah ibu bapa atau penjaga pelajar sekolah tahun 1 hingga tingkatan 6 dan golongan OKU dibenarkan mendaftar bagi pihak mereka?

**Ya, dibenarkan dengan syarat membawa atau muat naik dokumen seperti dinyatakan dalam perkara (5) ketika membuat pendaftaran.**

8. Bilakah pendaftaran pas MyRail5 akan dibuka?

**Bermula 27 Disember 2020**

9. Bilakah saya boleh mula menggunakan pas MyRail5?

**Bermula 1 Januari 2021**

10. Berapakah bayaran yang dikenakan untuk mendapatkan dan memperbaharui pas MyRail5?

**RM5**

11. Saya merupakan pengguna kad Konsesi Komuter Link sedia ada di sektor Lembah Klang dan saya masih mempunyai baki dalam kad Konsesi Komuter Link berkenaan. Bolehkah saya membuat bayaran RM5 menggunakan baki dalam kad Konsesi Komuter Link tersebut?

**Boleh, jika baki kad Konsesi Komuter Link sedia ada melebihi RM5 melalui penolakan daripada baki kad. Sekiranya baki kad Konsesi Komuter Link sedia ada kurang daripada RM5, pengguna perlu membuat bayaran RM5 di kaunter tiket**

12. Bilakah saya harus membuat pembaharuan pas MyRail5?

**Bila-bila masa mengikut kesesuaian pengguna**

13. Apakah tempoh sah pas MyRail5?

**30 hari berturut-turut (termasuk hujung minggu dan cuti am) dari tarikh pembelian/pembaharuan pas MyRail5**

14. Bolehkah pas MyRail5 dipindah milik?

**Tidak**

15. Bolehkah saya melanggan pas MyRail5 menggunakan kad Touch n' Go?

**Tidak**

16. Bolehkah saya menggunakan pas MyRail5 di rangkaian RapidKL rel dan bas, MRT atau ERL?

**Tidak. Pas MyRail5 hanya sah untuk perjalanan tanpa had di rangkaian KTM Komuter mengikut sektor di Lembah Klang atau sektor Utara dan juga Shuttle Timuran.**

17. Bagaimana untuk saya mengetahui tarikh akhir pas MyRail5 yang dilanggan?

**17.1 Pengguna KTM Komuter Sektor Lembah Klang**

**Tarikh akhir adalah tertera pada skrin get keluar masuk di stesen**

**17.2 Pengguna KTM Komuter Sektor Utara dan Shuttle Timuran**

**Tarikh akhir adalah seperti yang tertera pada pas MyRail5**

18. Di manakah pengguna boleh membuat pertanyaan lanjut berkaitan pas MyRail5?

**Melalui akaun media sosial rasmi KTMB:**

**Facebook – KTM Berhad**

**Twitter – @ktm\_berhad**

**Instagram – ktmbofficial**

**atau**

**Hubungi Pusat Panggilan KTMB:**

**03-2267 1200 (7.00 pagi – 11.00 malam)**

**[Tamat]**